

**SOALAN NO: 55****PARLIMEN MALAYSIA****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Bertulis****DARIPADA : Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman  
[Tanjong Manis]****SOALAN : (Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman)**  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
**INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama  
ada Kementerian dapat meluluskan sebuah  
**pusat pengagihan (distribution centre),**  
**kilang ais (ice plant) dan bilik sejuk (cold**  
**room)** untuk dibangunkan di **Kampung**  
**Penipah** bagi kegunaan para nelayan dari  
**10 buah kampung di Pulau Brui,**  
Sarawak yang selaras dengan langkah  
Kementerian iaitu '**jihad memerangi orang**  
**tengah'** dalam sektor perikanan bagi  
membebaskan golongan nelayan daripada  
terus berada dalam cengkaman orang  
tengah.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyediakan Bilik Sejuk dan Blast Freezer di Kampung Bruit iaitu 4 km daripada Kampung Penipah. Kemudahan ini telah beroperasi sepenuhnya pada April 2017 yang diuruskan oleh Persatuan Nelayan Kawasan Bruit dan juga boleh digunakan secara gunasama oleh nelayan-nelayan di sekitar Pulau Bruit termasuk Kampung Penipah.

Pada masa kini, LKIM tiada perancangan untuk membina pusat pengagihan (*distribution centre*) di Kampung Penipah kerana semua hasil nelayan yang turun di jeti pendaratan hanya cukup untuk keperluan penduduk setempat yang membeli terus di jeti tersebut. LKIM juga tidak bercadang untuk membina kilang ais (*ice plant*) di kampung tersebut berikutan masalah bekalan air bersih masih belum selesai.